



25 MAY, 2025

Malaysia salur RM3 bilion Projek Penambahbaikan Muara Sungai Golok

Berita Harian Ahad, Malaysia



Malaysia salur RM3 bilion Projek Penambahbaikan Muara Sungai Golok

Bangkok: Malaysia memperuntuk kira-kira RM3 bilion bagi Projek Penambahbaikan Muara Sungai Golok, inisiatif strategik rentas sempadan dengan Thailand yang bertujuan mengurangkan risiko banjir, melindungi masyarakat setempat dan memperkukuh keselamatan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata kerajaan memulakan pelbagai langkah menyeluruh sebagai sebahagian daripada kerjasama dengan Thailand.

Fadillah, yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, berkata jumlah keseluruhan pembiayaan projek itu termasuk program tebatan banjir dan pembinaan tembok keselamatan di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) dianggarkan bernilai RM3 bilion.

"Kita memaklumkan kepada

Kerajaan Thailand yang Malaysia meluluskan lokasi bagi kerja pengorekan muara sungai, dan pada masa sama melaksanakan penambahbaikan di Sungai Golok, termasuk pembinaan tembok sungai.

"Ini bukan sekadar inisiatif tebatan banjir, malah satu langkah keselamatan negara.

"Projek ini akan menangani isu banjir secara menyeluruh dan apabila siap kelak, ia dijangka dapat mengurangkan banjir serta kerugian berkaitan harta benda, aset dan mata pencarian, bukan sahaja untuk penduduk setempat tetapi juga bagi sektor perniagaan dan infrastruktur kerajaan," katanya pada akhir lawatan kerja empat hari ke Thailand semalam.

Beliau berkata, sebahagian daripada projek masih menunggu kelulusan akhir daripada pihak



Mad Zaidi (dua dari kiri) melawat tapak projek Pengawalan Hakisan Pantai Kuala Nerus di Pantai Batu Rakit, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

berkuasa Thailand, dan tempoh jangkaan siap ialah tiga tahun dari tarikh pelaksanaan.

Lengkapkan kajian
Sementara itu Fadillah berkata, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pihak Berkuasa Penjanaaan Elektrik Thailand (EGAT) melengkapkan kajian kebolehlaksanaan bagi menaik taraf kemudahan sambungan grid kuasa antara kedua-dua negara.

Katanya, kedua-dua negara menyedari sambungan sedia ada yang dibina pada awal 2000-an kini semakin usang dan perlu dinaik taraf, seperti laporan BERNAMA. Sementara itu di Kuala Nerus,

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air memperuntuk RM287.8 juta bagi pelaksanaan pelbagai projek berkaitan air di Terengganu tahun ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

Ketua Setiausahanya, Datuk Mad Zaidi Mohd Karli, berkata dana itu membabitkan 27 projek merangkumi 22 projek berkaitan sumber air, tebatan banjir dan hakisan pantai, tiga projek bekalan air dan dua projek berkaitan pembedungan.

Beliau berkata, 22 projek dilaksanakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membabitkan peruntukan RM279.2 juta, tiga projek bekalan air yang dilak-

sanakan di bawah Jabatan Bekalan Air (JBA) dengan peruntukan RM2.6 juta dan dua projek dilaksanakan Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP) membabitkan peruntukan RM6 juta.

"Untuk projek pengawalan hakisan pantai di Kuala Nerus, status kemajuan fizikal terkini 24.5 peratus dan dijangka siap pada Januari 2027.

"Projek Kerajaan Persekutuan ini bernilai RM90 juta ini meliputi kerja-kerja *beach nourishment* sepanjang dua kilometer dan pembinaan 16 pemecah ombak," katanya selepas meninjau Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Kuala Nerus, di sini semalam.